

# KERATAN AKHBAR

جباٰن کحاکیم شریعہ ملیسیا  
**JKSM**  
SYARIAH ASAS KREADILAN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA,  
NO.20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA


<b>AKHBAR</b> <input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> THE STAR <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<b>SUBJEK</b> <input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input type="checkbox"/> AKIDAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	<b>TARIKH</b> 26/10/2023
CATATAN		

## Gesa umat Islam faham syarat kemampuan tunai haji

**Sepang:** Umat Islam di Malaysia perlu diberikan kefahaman tepat mengenai konsep dan pengertian istito'ah atau syarat kemampuan menunaikan haji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau berkata, bakal jemaah haji perlu memenuhi lima syarat kemampuan yang digariskan hukum syarak iaitu kesihatan yang baik; ada kenderaan pergi dan balik ke Tanah Suci; aman dalam perjalanan; kewangan mencukupi dan kebenaran pihak Arab Saudi.

Bercakap pada sidang media pada Majlis Penutup Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-40, di sini, semalam, Mohd Na'im berkata, Islam adalah agama



BAKAL jemaah haji perlu memenuhi lima syarat kemampuan yang digariskan hukum syarak untuk menunaikan rukun Islam kelima.

yang mudah dan Allah tidak mewajibkan sesuatu ibadat di luar kemampuan manusia.

"Ada ramai dalam kalangan bakal haji yang sanggup melakukan apa sahaja semata-mata untuk mendapat peluang pergi haji sedangkan syarat wajib itu gugur sekiranya mereka tidak memenuhi lima syarat kemampuan yang digarisukkan hukum syarak.

"Jika umat Islam di Malaysia diberikan kefahaman yang tepat terhadap konsep dan pengertian istito'ah, maka saya percaya tidak akan timbul kerisauan dan kegusaran yang melam-pau apabila tidak dapat menunaikan ibadat haji da-

lam jangka masa yang ter-dekat atas alasan yang dibenarkan hukum syarak," katanya.

Mohd Na'im berkata, Lembaga Tabung Haji berperanan untuk menjelaskan tentang hukum menunaikan ibadat haji khususnya berkaitan syarat kemampuan kepada bakal jemaah.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan aplikasi e-Bimbingan Haji bagi memudahkan urusan pembelajaran bakal jemaah termasuk petugas haji serta Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (Pekta).

"Aplikasi itu boleh dimuat turut ke telefon bimbit mulai Jumaat ini," kata-nya.